



PEMUDA  
GEMA

2025

# LAPORAN PELAKSANAAN MYSAVEFOOD

POWERED BY



DISEDIAKAN OLEH  
SEKRETARIAT MYSAVEFOOD  
PERTUBUHAN PEMUDA GEMA  
MALAYSIA  
CETAKAN 3 JULAI 2025



<https://remeal.app/mysavefood>

# PRAKATA

Bismillahirrahmanirahim

Isu keterjaminan makanan sering dibincangkan di pelbagai platform samada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Food and Agriculture Organization (FAO) merekodkan satu per tiga dari jumlah makanan yang dihasilkan di seluruh dunia terbazir setiap tahun dengan nilai mencapai RM 4.4 trillion. Baru-baru ini, isu pembaziran makanan ini turut menjadi satu topik utama yang giat dibahaskan di peringkat global antaranya adalah di 37th Session of Regional Conference for Asia and the Pacific (APRC) 2024 dan juga di Persidangan APEC.

Sejajar dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 12.3, antara objektif penubuhan Inisiatif MYSaveFood ini adalah untuk meningkatkan kesedaran awam serta membantu melaksanakan program-program yang menyumbang kepada pengurangan pembaziran makanan. Antaranya adalah Program MYSaveFood@Ramadan yang menjadi projek flagship Inisiatif MYSaveFood ini telah dilaksanakan dengan jayanya sejak tahun 2016 sehingga 2025 dan sebanyak 175,040.7 kilogram makanan dan minuman telah berjaya diselamatkan dari bazar ramadan seluruh Malaysia.

Justeru itu, setinggi-tinggi tahniah saya ucapan kepada semua penggerak program utama Inisiatif MYSaveFood iaitu MYSavefood@Ramadan 2025 iaitu Pemuda GEMA serta rakan strategik yang lain di atas kejayaan cemerlang dalam penganjuran program pada tahun ini. Dengan penglibatan bazar yang besar pada tahun ini, saya yakin atas komitmen dan kecekapan barisan pemimpin-pemimpin belia dari Pemuda GEMA, segala cabaran dan isu dalam penganjuran MYSavefood@Ramadan 2025 berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Syabas juga diucapkan atas penghasilan Laporan Program MYSaveFood@Ramadan 2025. Laporan ini merupakan informasi berguna yang juga merangkap dokumen utama yang memaparkan prestasi dan pencapaian aktiviti program Program MYSaveFood@Ramadan 2025 yang menjadi rujukan di masa hadapan. Saya amat berbangga dengan pencapaian Pemuda GEMA bersama-sama rakan strategik dan NGO yang bergerak rapat dalam membuat transformasi yang ketara bagi memastikan program berjalan seperti dirancang.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar Pemuda GEMA terus memberi sokongan kepada program ini pada tahun akan datang serta mengambil langkah yang lebih proaktif bagi memastikan amanat dan harapan yang diberikan dilaksana dengan cemerlang.

Terima kasih.

**Tuan Kamarul Anuar B. Ismail**  
**Pengarah Pusat Komunikasi Korporat MARDI**



# PRAKATA

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah swt, kita dapat menjayakan projek MYSaveFood Ramadan kali yg ke-9 pada tahun 2025.

Berbanding tahun-tahun sebelum ini, 2025 mencatatkan rekod tertinggi bagi jumlah kutipan makanan dan minuman tidak terjual yang berjaya diselamatkan, jumlah penglibatan sukarelawan dari pelbagai latar belakang serta jumlah bazar operasi MYSavefood, nilai ekonomi serta nilai karbon Dioksida utk gas rumah hijau yang berjaya dielakkan daripada tapak pelupusan sampah, longkang ataupun alam sekitar.

Projek ini memerlukan tenaga kerja yang sangat ramai terutama pada bulan ramadan, di waktu berbuka puasa, sukarelawan bertungkus lumus menyelamatkan makanan dan minuman untuk diberikan kepada golongan yang memerlukan.

Dan sukarelawan-sukarelawan ini dipimpin oleh ketua-ketua bazar yang bertugas jauh lebih awal untuk memohon kelulusan pengusaha bazar, peralatan - peralatan operasi, mencari sukarelawan dan merekod data-data kutipan dan kehadiran setiap hari.

Dan semua ketua-ketua bazar ini dipimpin oleh para PIC di setiap negeri seluruh Malaysia. Mereka menjalankan pelbagai aturan termasuk libat urus dengan pelbagai pihak bagi menjayakan projek mysavefood di negeri masing-masing.

Dan semua PIC Negeri dibantu oleh Jawatankuasa MYSaveFood pusat yang dipimpin oleh Pengarah Harith bin Mohd Tarik dan juga Timbalan Pengarah, Ainul A'syara.

Penghargaan tidak terhingga juga kepada semua rakan kerjasama terutama kepada penaung projek, MARDI yang bersama dari tahun pertama, juga sokongan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sejak dari tahun 2023 yang meluaskan lagi skala projek ini, termasuk juga dari Rakan Muda, Belia Harmoni, Ikram Muda Kawasan, Pihak Berkuasa Tempatan dan ramai lagi. Tidak dilupakan sokongan platform ReMeal untuk membantu melancarkan operasi MYSaveFood @ Ramadan 2025

Semoga projek ini diberkati Allah swt dan diharap dalam menyumbang kepada SDG 12.3, mengurangkan separuh kadar sisa makanan global, serta SDG 2, mengurangkan kelaparan, dan juga kesan kepada Alam Sekitar dengan pengurangan gas rumah hijau.

**Amar Masuri**  
**Presiden**  
**Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia**



# PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, projek MySaveFood@Ramadan 2025 telah berjaya dilaksanakan dengan penuh semangat dan kerjasama semua pihak. Saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada rakan strategik, para peniaga, sukarelawan, dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Sokongan anda semua amat kami hargai!

Tahun ini, kita teruskan misi yang besar tapi sangat penting — kurangkan pembaziran makanan, terutamanya ketika bulan Ramadan. Ramai tak sedar, makanan yang dibazirkan setiap hari boleh memberi kesan besar kepada alam sekitar dan ekonomi. Sebab itu kami di Pertubuhan Pemuda GEMA ambil inisiatif untuk gerakkan usaha ini bersama-sama dengan pelbagai pihak — dari agensi kerajaan, syarikat swasta, hingga ke komuniti belia yang sentiasa bersemangat tinggi.

Apa yang paling membanggakan, program kali ini disambut dengan keterlibatan aktif dari anak-anak muda seluruh negara. Semangat saling bantu-membantu, dan kesedaran yang semakin meningkat jadi bukti bahawa generasi kita mampu bawa perubahan besar — bermula dengan langkah kecil yang konsisten. Ayuh, kita teruskan usaha ini. Sama-sama kita bina budaya lebih bijak dalam pengurusan makanan dan wujudkan masa depan yang lebih lestari.

Akhir kata, izinkan saya kongsi serangkap pantun:

Kuih tepung pelita di atas dulang,  
Air katira segar dan asli,  
Daripada dibuang, baik kita hulang,  
MYSaveFood cara kami berbudi.

Dari belia, untuk masyarakat. Terima kasih!

**Mohamad Harith Bin Mohd Tarik  
Pengarah  
MYSaveFood Kebangsaan 2025**



## PRAKATA

Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kejayaan Program MYSaveFood 2025, yang menjadi medan kerjasama strategik antara sektor awam, swasta dan masyarakat dalam memerangi pembaziran makanan di Malaysia.

Sebagai pengasas bersama ReMeal, saya melihat sendiri bagaimana kekuatan sinergi antara kementerian, agensi dan pelbagai rakan industri membuatkan hasil yang nyata — bukan sekadar dari segi jumlah makanan diselamatkan, tetapi juga dari kesedaran masyarakat yang semakin meningkat tentang kepentingan kelestarian makanan.

Tahun 2025 mencatat detik bersejarah apabila pendekatan digital melalui aplikasi ReMeal digunakan secara meluas di lokasi-lokasi tumpuan, membolehkan lebih makanan disalurkan terus kepada mereka yang memerlukan, secara pantas dan sistematik. Kejayaan ini membuktikan bahawa inovasi dan ihsan boleh bergerak seiring, apabila didukung oleh visi yang sama.

Dengan itu, tiada makanan dibazirkan, tiada insan kelaparan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua sukarelawan, NGO-NGO — khususnya Pemuda Gema sebagai rakan strategik yang utama — pemain industri makanan dan pihak berkuasa tempatan yang menjadikan program ini realiti. Komitmen anda mencerminkan nilai masyarakat madani yang progresif.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada pelaksanaan dasar lestari makanan secara menyeluruh di Malaysia. Kami di ReMeal akan terus beriltizam untuk memperluaskan usaha ini ke peringkat yang lebih tinggi, demi masa depan yang lebih baik untuk bangsa negara.

**Wan Emir Astar**  
**Pengasas Bersama,**  
**ReMeal Sdn Bhd**



**ISI**

# **KANDUNGAN**

## **Kenali MYSaveFood**

**Carta Organisasi**

**Wakil MYSaveFood Negeri**

**Senarai Bazar & Ketua Bazar**

## **Hasil dan Impak**

Makanan diselamatkan , Sukarelawan, Penerima

## **Mapping Bazar**

## **Ringkasan Negeri**

## **Sumbangan Rakan Kerjasama Utama**

**REMEAL , KPDN , SWCORP , LEO BURNETT , KBS (RAKAN MUDA) , THINKCITY**

## **Peningkatan Visibility**

Sokongan menteri dan Liputan Media

## **Laporan Negeri**

- Perlis
- Kedah
- Pulau Pinang
- Terengganu
- Pahang
- Perak
- WP. Kuala Lumpur
- Negeri Sembilan
- Melaka
- Johor
- 

## **Lampiran**

- Laporan Kempen Bazir Ramadan

# KENALI MYSAVEFOOD (MSF) RAMADAN



## PENGENALAN MSF RAMADAN

Usaha menyelamatkan lebihan makanan dan minuman peniaga bazar yang tidak terjual dengan menyalurkan kepada yang memerlukan melalui inisiatif Projek MYSaveFood Ramadan telah mengurangkan penghasilan jumlah sisa makanan di tapak pelupusan sampah sekaligus mengurangkan penghasilan gas metana yang terhasil daripada pereputan sisa.

Projek MYSaveFood Ramadan telah dijadikan MARDI sebagai salah satu projek di bawah Program Malaysia Save Food (MYSaveFood) yang merupakan sebahagian daripada inisiatif SAVEFOOD oleh *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO) bagi menangani masalah kehilangan dan pembaziran makanan di seluruh dunia sehingga menjaskan bekalan makanan, alam sekitar dan sumber ekonomi negara.

Cetusan idea projek MYSaveFood Ramadan bermula di Bazar Kampung Baru pada tahun 2016 melalui inisiatif belia tempatan, Saudara Mohamad Rahimi Bin Adnan yang disokong dan dikelolakan oleh Pemuda GEMA sehingga kini.

Projek MYSaveFood Ramadan merupakan satu inisiatif yang menyumbang kepada saranan Matlamat Pembangunan Mampan / *Sustainable Development Goals* (SDG) 12.3 iaitu pengurangan separuh daripada sisa makanan global perkapita pada tahun 2030.



Rajah 1: Gambarajah ringkas berkenaan projek MYSaveFood Ramadan

## RINGKASAN EKSEKUTIF

**Projek MYSaveFood Ramadan:** Satu inisiatif pengurusan sisa makanan “Food Waste Management” di bazar Ramadan secara berstrategi melalui usaha menyelamatkan lebihan makanan dan minuman (yang boleh dimakan/diminum) yang tidak berjaya dijual oleh Peniaga Bazar dengan menyalurkan kepada yang memerlukan.



## BUTIRAN PROJEK

**Penganjur Utama** Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (No. Pendaftaran: PPBM 8065/12)

**Penaung & Penasihat** *The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)*

**Tempoh** 2 Mac - 30 Mac 2025 (Bulan Ramadan)    **Tempat** Bazar Ramadan di seluruh Malaysia

## SASARAN PROJEK 2025

- 150 jumlah bazar menyertai MYSaveFood
- Penglibatan pelajar dan penduduk setempat
- Membantu lebih ramai rakan kolaborasi untuk menjadi penggerak MYSaveFood
- Memperluas kempen kesedaran “Value Food No Waste” / “Hargai Makanan, Elak Pembaziran”

## OBJEKTIF PROJEK


Membudayakan **satu sistem pengurusan sisa makanan** yang efektif di bazar Ramadan yang mudah direplikasi dalam usaha:

- Mengurangkan pembaziran sisa makanan yang berlaku dalam kalangan peniaga bazar Ramadan
- Melibatkan belia dalam menangani isu kelestarian alam
- Mengurangkan penghasilan gas metana di tapak pelupusan sampah yang memberi kesan kepada pemanasan global.





## CARTA ORGANISASI MYSAVEFOOD 2025



**GREEN HEROES**  
BEYOND VOLUNTEERISM

## WAKIL MYSAVEFOOD 2025 MENGIKUT NEGERI



PERLIS  
NUR AUNI  
25 TAHUN  
FULL TIME GEMA



KELANTAN  
SHARUL IMAN SAEBON  
29 TAHUN  
USAHAWAN




KEDAH  
FIRDAUS  
22 TAHUN  
KAUNSELING UNISHAMS



TERENGGANU  
ASMA'A MUNIRAH  
24 TAHUN  
BUSINESS SUPPORT



PULAU PINANG  
RIDZUAN FIRDAUS  
35 TAHUN  
PENJAWAT AWAM



PAHANG  
AMAR HADI  
28 TAHUN  
PENYELIA LADANG



PERAK  
WIDAD RUSDI / ZUL FAHMI  
26 TAHUN / 26 TAHUN  
TEKNOLOGI ELEKTRIK,  
ILP IPOH / SOCIAL SERVICE



SELANGOR  
SYAZWAN  
23 TAHUN  
MECHANICAL ENGINEERING  
UNIKL MFI



PUTRAJAYA  
AINUL A'SYARA  
28 TAHUN  
SUSTAINABILITY STRATEGIST



WP. KUALA LUMPUR  
ADAMSYAM DANIEL  
23 TAHUN  
AKAUN, UNIKL



NEGERI SEMBILAN  
ATTIAH  
26 TAHUN  
CIVIL ENGINEERING  
UITM SHAH ALAM



JOHOR  
KHAIRI YALAH / SABIQ  
35 TAHUN / 35 TAHUN  
SOFTWARE ENGINEER / ARCHITECT



MELAKA  
ERMI SYAFIQAH / AMMAR RAHIM  
35 TAHUN / 36 TAHUN  
EKSEKUTIF / JURU X-RAY



SABAH  
AMIRRUL MUKMININ  
33 TAHUN  
Full Time IKRAM BINTULU



SARAWAK  
MISHALLY ANAK SIMON  
27 TAHUN  
SALES EXECUTION



## KETUA BAZAR MYSAVEFOOD 2025

	NAMA BAZAR	NAMA PENUH	JAWATAN
1	BAZAR KG BARU JLN RAJA ALANG	AHMAD EHSAN BIN SHUHAIMEE	KETUA BAZAR KG BHARU RAJA ALANG
2	BAZAR KG BARU JLN RAJA UDA	MUHAMMAD AMIR ASHRAFF BIN ASMY	KETUA BAZAR KG BHARU RAJA UDA
3	BAZAR PANTAI DALAM	AINUR MARDIYAH BINTI ROZANDY	KETUA BAZAR PANTAI DALAM
4	BAZAR PANTAI DALAM	TIO GUO REN	KETUA BAZAR PANTAI DALAM
5	BAZAR SRI RAMPALI	ILYANI SYADIAH BINTI ROSNAN	KETUA BAZAR SRI RAMPALI
6	BAZAR TLK TMN TASIK PERMAISURI	MUHAMMAD AZHAD ABQARI BIN MOHD ASIF	KETUA BAZAR TASIK PERMAISURI
7	BAZAR WANGSA DELIMA	NUR SYAHMINA BINTI SUGIRI	KETUA BAZAR WANGSA DELIMA
8	BAZAR UTC SENTUL	ALIAH SYAHIRAH BINTI SHAMSHUL BAHRIN	KETUA BAZAR UTC SENTUL
9	BAZAR SETAPAK INDAH	MUHAMMAD SYAFIQ BIN MOHD SHAHARUDDIN	KETUA BAZAR DANAU KOTA
10	BAZAR WANGSA MAJU	Muhammad Irsyad Razin Bin Md Norshah	KETUA BAZAR WANGSA MAJU
11	BAZAR DESA PANDAN JLN 1/76C	MUHAMMAD ERIC NUHAA BIN ABDUL RAHMAN	KETUA BAZAR DESA PANDAN 1/76C
12	BAZAR DESA PANDAN JLN 3/76D	MUHAMMAD FAHMY AZREE BIN AZHAR	KETUA BAZAR DESA PANDAN 3/76D
13	BAZAR DATO SENU 18	Mohamad Farish Syahmi bin Kamarudin	KETUA BAZAR DATO SENU 18
14	BAZAR ALOR GAJAH, MELAKA	Nur Amira Bt Mohamed @ Zainun Abidin	PIC UCAM , Melaka
15	BAZAR MiTC, MELAKA	Ermi Syafiqah binti Mohd Saat	Bendahari GEMA Melaka
16	BAZAR JASIN BESTARI, MELAKA	MOHAMAD AMMAR BIN ABDUL RAHIM	Naib Penggerusi GEMA Melaka
17	BAZAR ALOR GAJAH, MELAKA	Siti Nurathirah Binti Azenan	PIC UNIKL melaka
18	BAZAR PERINGGIT	SITI NORWAHEEDA BINTI ROSLI	PIC IPG, Melaka
19	BAZAR JLN BBN 1/7	Shaza Syahmi Bin Mansor	Timbalan Presiden 1, Sekretariat Kesukarelawanan Mahasiswa (SKM)
20	BAZAR JLN BBN 1/8	Nur Ridhwah Fatin Binti Roslan	Timbalan Presiden 2 Sekretariat Kesukarelawanan Mahasiswa USIM
21	BAZAR METROPARK SENDAYAN	Is Aizat Bin Samsuri	Ahli GEMA N9

## KETUA BAZAR MYSAVEFOOD 2025

	NAMA BAZAR	NAMA PENUH	JAWATAN
22	BAZAR JLN BBN 1/2A	<b>Nurnajibah Binti Haji Mohd Yusof</b>	Naib Presiden HARMONI
23	BAZAR JLN BBN 1/2A	<b>Mardhiyyah binti Azlan</b>	Ketua Jawatankuasa Kesukarelawanan Harmoni USIM Nilai
24	BAZAR JLN BBN 1/2A	<b>Mohamed Faisal Bin Mohamed Fairooz</b>	HARMONI Nilai
25	BAZAR EMART SUKMA	<b>Mishally Anak Simon</b>	Setiausaha GEMA Sarawak
26	BAZAR ESPLANDE BINTULU	<b>Safiuddin Bin Julhi</b>	Setiausaha Kelab Belia Mulia
27	BAZAR EMART MATANG	<b>Vanessa Francis</b>	KETUA BAZAR
28	BAZAR SUMMER MAL	<b>Abdullah Bin Nor-Aizuddin</b>	KETUA BAZAR
29	BAZAR NINSO, BATU KAWA	<b>Suzana Anak Latip</b>	KETUA BAZAR
30	BAZAR PANTAI SELAMAT, IM 3	<b>Ahmad Asyraf Bin Ahmad Azam</b>	PRESIDEN HARMONI MALAYSIA
31	BAZAR BEHRANG 2020, TANJUNG MALIM	<b>AZHAD KHALIS BIN ABDUL AZIZ</b>	Yang Dipertua, HARMONI UPSI
32	BAZAR STADIUM INDERA MULIA, IPOH	<b>MUHAMMAD HIDAYAT BIN MOHAMAD IDROS</b>	Presiden, GPS UniKL RCMP
33	BAZAR SIIBIN UTARA, IPOH	<b>NOOR QURRATIN AINI BINTI NASROL HASMEE</b>	Presiden, GPS UNITAR
34	BAZAR PUNCAK BOUGAINVILLA	<b>NIK ATHIRAH BINTI MUHAMMAD</b>	Timbalan Presiden, GPS USAS
35	BAZAR TAMAN CEMPAKA	<b>SAMIHAH BINTI YAAKUB</b>	KETUA BAZAR
36	BAZAR TAMAN CEMPAKA	<b>KHAIRUL IKHWAN ZAMRI BIN ABDUL ZHAHIR</b>	AJK Kesukarelawanan, HARMONI Ipoh
37	BAZAR POLITEKNIK UNGU OMAR	<b>HANZALAH BIN NOOR HISHAM</b>	Exco Kelestarian Kampus, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar PUO
38	BAZAR STADIUM MPM, MANJUNG	<b>Dr AZIZUL BIN SALEHUDIN</b>	Ketua, IKRAM Muda Perak

## KETUA BAZAR MYSAVEFOOD 2025

	NAMA BAZAR	NAMA PENUH	JAWATAN
39	BAZAR KAMUNTING, TAIPING	<b>NUR HAZIQAH BINTI JALIL</b>	KETUA BAZAR
40	BAZAR KAMUNTING, TAIPING	<b>NURNAJIBAH BINTI HAJI MOHD YUSOFF</b>	KETUA BAZAR
41	BAZAR KAMUNTING, TAIPING	<b>ZUL FAHMI BIN AHMAD ZAMRI</b>	AJK, GEMA Perak
42	BAZAR DATARAN ORKID, BATU GAJAH	<b>ASTRI IDAYU BINTI ATHERESAN</b>	Penyelaras Smartgreen, Kolej Komuniti Gopeng
43	BAZAR DATARAN ORKID, BATU GAJAH	<b>FARAH NADIA BINTI MURAD</b>	Pensyarah, Kolej Komuniti Batu Gajah
44	BAZAR SELEKOH, BAGAN DATUK	<b>MOHD LUFTI BIN MOHAMED ZAMHURI</b>	AJK, IKRAM Muda Teluk Intan
45	BAZAR PEKAN TELUK INTAN @ OCBC	<b>WAN MUHAMMAD AMIN BIN WAN MOHD AZMAN</b>	Bendahari, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Komuniti Teluk Intan
46	BAZAR TAMAN PERPADUAN, IPOH	<b>NURUL ALIA BINTI NORHISHAM</b>	Presiden, GPS IPG Kampus Ipoh
47	BAZAR SERI ISKANDAR BUSINESS CENTRE	<b>ABDUL HAKIM BIN ABDUL AZIZ</b>	Project Director MySaveFood UTP
48	BAZAR SERI ISKANDAR BUSINESS CENTRE	<b>NUR MYEISHA BINTI MOHD ARIFF</b>	Secretary MySaveFood UTP
49	BAZAR SERI ISKANDAR BUSINESS CENTRE	<b>AFIFAH SYAKIRAH BINTI AHMAD SHAMIL</b>	Assistant Project Director III MySaveFood UTP
50	BAZAR SERI ISKANDAR BUSINESS CENTRE	<b>NUR FAAIQAH DAYANA BINTI MOHD BUDIYAMIN</b>	Assistant Project Director I MySaveFood UTP
51	BAZAR DATARAN NIAGA SERI ISKANDAR	<b>WAN MUHAMMAD HAikal BIN WAN IRUAN</b>	Treasurer MySaveFood UTP
52	BAZAR DATARAN NIAGA SERI ISKANDAR	<b>NUR WADHIHAH NADHIRAH BINTI FAISAL</b>	Assistant Head of Department Society Project /Supervisor MySaveFood UTP
53	BAZAR DATARAN NIAGA SERI ISKANDAR	<b>MUHAMMAD ABU HURAIRAH BIN MOHAMMAD</b>	Assistant Project Director II MySaveFood UTP
54	BAZAR PAGOH JAYA	<b>Intan Ummairah binti Mohd Azhar</b>	Belia Harmoni IIUM Pagoh
55	BAZAR TAMAN DAHLIA, JB	<b>Zikri bin Buang</b>	KPDN Cawangan Johor Bahru

## KETUA BAZAR MYSAVEFOOD 2025

	NAMA BAZAR	NAMA PENUH	JAWATAN
56	BAZAR BANDAR UTAMA, SEGAMAT	<b>Noor Azhim bin Noor Ahmad</b>	KPDN Cawangan Segamat
57	BAZAR PESTA, BATU PAHAT	<b>Yusliza binti Yusof</b>	KPDN Cawangan Batu Pahat
58	BAZAR TAMAN WAWASAN, MERSING	<b>Muhammad Fakrul Arif bin Mohamad Fuzi</b>	KPDN Cawangan Mersing
59	BAZAR TAMAN SRI SAUJANA, KOTA TINGGI	<b>Mohd Zamri bin Jaafar</b>	KPDN Cawangan Kota Tinggi
60	BAZAR DEWAN JUBLI INTAN, MUAR	<b>Syahar Safjan bin Shamaudin</b>	KPDN Cawangan Muar
61	BAZAR TAMAN INTAN, KLUANG	<b>Mohd Rizal bin Mohd Yusof</b>	KPDN Cawangan Kluang
62	BAZAR STADIUM MINI, PONTIAN	<b>Norhariani binti Anuar</b>	KPDN Cawangan Pontian
63	BAZAR INDAHPURA, KULAI	<b>Muhammad Khairi bin Yalah</b>	Pemuda GEMA Johor
64	BAZAAR KOK LANAS	<b>MUHAMMAD AMIR DANISH BIN MOHD ROKI</b>	KETUA BAZAAR KOK LANAS
65	BAZAR DEPAN POLITEKNIK	<b>MUHAMMAD AMIR DANISH BIN MOHD ROKI</b>	KETUA BAZAAR DEPAN POLITEKNIK
66	BAZAR STADIUM	<b>MOHAMMAD SHARUL IMAN BIN SAEBON</b>	KETUA BAZAR RAMADHAN STADIUM
67	BAZAR MYDIN TUNJONG	<b>MUHAMMAD HANIF BIN ARIFF</b>	KETUA BAZAAR MYDIN TUNJONG

**“  
EVERY ACTION WE  
TAKE IMPACTS THE  
LIVES OF OTHERS  
AROUND US.  
— ARTHUR CARMAZZI**

”

# HASIL & IMPAK PROJEK



**1-17**

HARI OPERASI

**25**

**HADIR BERTUGAS  
bagi 1 bazar (min)**



Food Type	Total Rescued	Food Value	CO <sub>2</sub> Emissions Prevented
Nasi Berlauk Nasi ayam/tomato/ambeng/biryani/gulai etc	6,195.1 kg	RM 119,255.12	16,726.7 kg
Kuih Muih Kek, kuih	9,874.5 kg	RM 217,238.95	19,749 kg
Nasi/mee/bihun/kueytiaw Goreng	3,868.3 kg	RM 74,464.73	10,444.4 kg
Berkuah Laksa, mee kari, bihun sup etc	1,596.2 kg	RM 26,338.08	4,788.7 kg
Goreng2 dan Bakar2 Percik, sate, ayam/sotong/bola goreng etc	953.9 kg	RM 31,480.35	3,815.8 kg
Western Pizza, spaghetti etc	351.3 kg	RM 19,318.80	1,580.6 kg
Side Dish Murtabak, roti jala, kebab, roti john etc	2,146.2 kg	RM 56,660.23	4,292.4 kg
Other Food	1,539.7 kg	RM 33,873.00	3,849.2 kg
Drinks	42,515.5 kg	RM 255,092.74	63,773.2 kg
<b>Total</b>	<b>69,040.7 kg</b>	<b>RM 833,722.00</b>	<b>129,020.1 kg</b>

SEBANYAK

**69,040.7 kg**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN



**10 EKOR  
GAJAH  
DEWASA**

YANG BERNILAI

**RM 833,722**



**HARGA 20 BIJI AXIA**



SEJUMLAH

**129,020.1 kg**

PENGHASILAN KARBON DAPAT  
DIELAKKAN



**Jejak karbon 650 kali  
perjalanan ulang  
alik KL → London**



## KUMULATIF KATEGORI PENERIMA


Sepanjang pelaksanaan MSF 2025, makanan yang telah diselamatkan telah diagihkan kepada beberapa kategori / golongan penerima yang berhampiran dengan lokasi bazar. Golongan penerima terdiri daripada; Jemaah surau / masjid, perumahan, asrama pelajar, rumah kebajikan, institut pengajian dan lain-lain (contohnya individu dan hospital).



SEJUMLAH


**68,765**

MAKANAN & MINUMAN DISUMBANGKAN  
KEPADA PENERIMA



# Senarai 173 Bazar MYSaveFood @ Ramadan 2025

\*Kategori berdasarkan pembahagian Daerah





# LAPORAN MYSAVEFOOD NEGERI

*PERTUBUHAN PEMUDA GEMA MALAYSIA*

JUMLAH BAZAR

1

## RINGKASAN

JUMLAH

13

SUKARELAWAN HADIR

1 BAZAR  
Persiaran Wawasan

## PERLIS

JUMLAH KUTIPAN

**357.7 KG**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 3,725.44**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**628.1 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN



### RAKAN KOLABORASI

- 1. KPDN PERLIS
- 2. GPS AL-MAAD
- 3. SWCORP



### PENERIMA MANFAAT



- 1. SMA AL MADRASAH AL ALAWIYAH AD DINIAH ( AL MAAD)
- 2. MAAHAD TAHFIZ AL QURAN AL IMAM AN NAWAWI ( MATIN)
- 3. AL MADRASAH AS DINIAH AL ISLAMIAH ( MADI)

### WAKIL NEGERI

NUR AUNI  
25, PENGURUSAN PENTADBIRAN  
FULL TIME PEMUDA GEMA


JUMLAH BAZAR

**26**

## RINGKASAN



## KEDAH



JUMLAH  
**130**

SUKARELAWAN HADIR



### RAKAN KOLABORASI

1. UUM
2. UNIKL
3. AIU INTERNATIONAL SCHOOL
4. SWCORP KEDAH
5. UNISHAMS
6. KBS@JBS

## RINGKASAN

JUMLAH KUTIPAN

**2732.2 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 34,728.33**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**5,346.3 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN



### PENERIMA MANFAAT

**32**

Surau / Masjid

**16**

Institut Pengajian /  
Asrama

**6**

Perumahan

### WAKIL NEGERI


MUHAMMAD FIRDAUS MUKHRIZ  
BIN ABDULLAH  
22, PELAJAR KAUNSELING,  
UNISHAMS

JUMLAH BAZAR

## RINGKASAN

5

# PULAU PINANG



JUMLAH  
32

SUKARELAWAN HADIR



### RAKAN KOLABORASI

1. GPS-IPGPP
2. GPS - POLITEKNIK SEBERANG PERAI
3. GPS KOLEJ STRADFORD
4. BELIA HARMONI



JUMLAH KUTIPAN  
**1,796.9 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 22,659.42**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**3,476.1 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN



### PENERIMA MANFAAT

9 Surau / Masjid

4 Institut Pengajian

### WAKIL NEGERI

MUHAMMAD RIDZUAN FIRDAUS  
BIN SIDEK  
35, PENJAWAT AWAM

JUMLAH BAZAR

## RINGKASAN

4

## KELANTAN



JUMLAH KUTIPAN

**1,907.3 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 20,412.23**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**3,413.9 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN



### RAKAN KOLABORASI

1. PUSAT KHIDMAT DUN KOTA LAMA
2. GPS USM
3. GPS POLITEKNIK KOTA BHARU
4. MPP USM KUBANG KERIAN
5. KELAB RAKAN MUDA BANDAR  
KOTA BHARU
6. KPDN KELANTAN

## RINGKASAN

4 BAZAR

Politeknik Kota Bharu  
Mydin Tunjong  
Kok Lanas  
Stadium Sultan Muhammad IV

JUMLAH

**50**

SUKARELAWAN HADIR



### PENERIMA MANFAAT

- |          |  |                    |
|----------|--|--------------------|
| <b>1</b> |  | Surau / Masjid     |
| <b>2</b> |  | Institut Pengajian |
| <b>3</b> |  | Lain-lain          |

### WAKIL NEGERI

MOHAMMAD SHARUL IMAN  
BIN SAEBON  
29, USAHAWAN


JUMLAH BAZAR

## RINGKASAN



7

# TERENGGANU



JUMLAH KUTIPAN

**3,694.5 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

**RM 44,712.86**

NILAI MAKANAN

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN



## RAKAN KOLABORASI

- 1.GPS Unisza Besut
2. GPS UNITAR Kuala Terengganu
3. GPS Unisza Gong Badak
4. GPS Kolej Ketengah
5. GPS IPG KDRI
6. GPS UCB
7. GPS Poli Hulu Terengganu
8. Harmoni Unisza Besut

## WAKIL NEGERI

ASMA'A MUNIRAH BINTI SHAHRUL  
HIZAM  
24, TAHUN  
BUSINESS SUPPORT / BELIA HARMONI



JUMLAH BAZAR


4

JUMLAH  
130  
SUKARELAWAN HADIR

JUMLAH  
5,833.9 KG  
SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN

## RINGKASAN

## PAHANG



JUMLAH KUTIPAN

**3,111.5 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

2 BAZAR

Pasaraya Pantai Selamat Indra Mahkota  
Mahkota Square

1 BAZAR

Taman Tasik Sultan Abu Bakar

NILAI MAKANAN

**RM 36,855.55**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN



## RAKAN KOLABORASI

1. KPDN Negeri Pahang
2. GPS Universiti WIDAD,
3. GPS UNITAR,
4. GPS UNITEN
5. GPS DRB HICOM University)
6. SWCORP
7. IKRAM Muda Pahang
8. HARMONI UIA Kuantan

## WAKIL NEGERI

AMAR HADI  
28 TAHUN  
 PENYELIA LADANG



## PENERIMA MANFAAT

**7** Surau / Masjid

**3** Institut Pengajian /  
Asrama

**2** Rumah  
kebajikan

JUMLAH BAZAR

**15**

JUMLAH KUTIPAN

**6,403.2 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

## RINGKASAN

### PERAK

NILAI MAKANAN

**RM 80,325.19**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**469**

SUKARELAWAN HADIR

1 BAZAR  
Kamunting

LARUT, MATANG & SELAMA

KUALA KANGSAR

KINTA

MANJUNG

1 BAZAR  
Stadium Manjung

PERAK  
TENGAH

2 BAZAR

Dataran Niaga Seri Iskandar  
SIBC Seri Iskandar

BATANG  
PADANG

6 BAZAR

Taman Perpaduan Ipoh  
Taman Cempaka Ipoh  
Stadium Ipoh  
Silibin Utara Ipoh  
Dataran Orkid Batu Gajah  
Politeknik Ungku Omar Ipoh

1 BAZAR  
Tapah Road

HILIR PERAK

1 BAZAR  
Selekoh

BAGAN DATUK

1 BAZAR

Pekan Teluk Intan @ OCBC Bank

MUALLIM

1 BAZAR  
Behrang 2020



### RAKAN KOLABORASI

1. KPDN PERAK
2. GPS (8)
3. PBT (7)

### WAKIL NEGERI

WIDAD RUSDI / ZUL FAHMI  
26 TAHUN / 26 TAHUN  
TEKNOLOGI ELEKTRIK,  
ILP IPOH / SOCIAL SERVICE



**RM 80,325.19**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**12,173.5 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN

1 BAZAR  
Bougainville Kuala Kangsar



### PENERIMA MANFAAT


**3**  
Surau / Masjid

**14**  
Institut Pengajian /  
Asrama

**1**  
Rumah  
kebaiijikan

JUMLAH BAZAR

16



RINGKASAN

## SELANGOR



JUMLAH KUTIPAN

8,809.8 KG

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 118,049.18**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

611

SUKARELAWAN HADIR



### RAKAN KOLABORASI

1. KPDN SELANGOR
2. GPS (4)
3. PBT (MP SEPANG, MPKJ )

### WAKIL NEGERI

SYAZWAN BIN CHE ZULKIFLI  
23 TAHUN  
MECHANICAL ENGINEERING  
UNIKL MFI



### PENERIMA MANFAAT

6  
Surau / Masjid

2  
Institut Pengajian /  
Asrama

5  
Perumahan

JUMLAH

16,895.5 KG

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN

JUMLAH BAZAR

## RINGKASAN



1

## PUTRAJAYA

JUMLAH KUTIPAN  
**1,616.6 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

**1 BAZAR**

Presint 3

JUMLAH


**22**

SUKARELAWAN HADIR



RAKAN  
KOLABORASI

1. UNITEN PUTRAJAYA
2. IKRAM
3. PERBADANAN PITRAJAYA



NILAI MAKANAN  
**RM 17,632.21**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**2,926.1 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN

### WAKIL NEGERI

AINUL A'SYARA  
28 TAHUN  
SUSTAINABILITY STRATEGIST



PENERIMA MANFAAT

3



Institut Pengajian /  
Asrama

1



Perumahan

JUMLAH BAZAR

**16**

## RINGKASAN



## WP. KUALA LUMPUR

JUMLAH

**694**

SUKARELAWAN HADIR

JUMLAH KUTIPAN

**12,575.5 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

JUMLAH

**23027.4 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN

1 BAZAR

Pusat Penaja Bazaria

NILAI MAKANAN

**RM 147,245.16**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN




### RAKAN KOLABORASI

1. KPDN
2. GPS (3)
3. DBKL
4. SWCORP
5. THINKCITY (4 BAZAR)

### WAKIL NEGERI

ADAMSYAM DANIEL  
23 TAHUN  
AKAUN, UNIKL

## RINGKASAN



### PENERIMA MANFAAT

**7**

Surau / Masjid

**6**

Institut Pengajian /  
Asrama

**12**

Perumahan

JUMLAH BAZAR

## RINGKASAN



**6**

JUMLAH

**75**

SUKARELAWAN HADIR

## NEGERI SEMBILAN


JUMLAH KUTIPAN

**3,940.2 KG**

MAKANAN & MINUMAN  
DISELAMATKAN

**6 BAZAR**

Jalan BBN 1/2A  
Jalan BBN 1/7  
Lotus Nilai  
Stadium Paroi  
Sendayan  
Kota Seriemas




### RAKAN KOLABORASI

1. KPDN
2. GPS USIM
3. GPS UITM SEREMBAN 3
4. GPS IPGKPT



### PENERIMA MANFAAT



### WAKIL NEGERI

ATTIAH  
26 TAHUN  
CIVIL ENGINEERING  
UITM SHAH ALAM



4

## MELAKA



JUMLAH

**130**

SUKARELAWAN HADIR

JUMLAH

**14,679.6 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN

JUMLAH KUTIPAN

**8,192.6 KG**

MAKANAN &amp; MINUMAN DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 90,445.43**

MAKANAN &amp; MINUMAN DISELAMATKAN

RAKAN  
KOLABORASI

1. GPS IPGKPM
2. GPS UCAM
3. SWCORP
4. Majlis Perbandaran Alor Gajah
5. Majlis Perbandaran Jasin
6. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



## PENERIMA MANFAAT

<b>6</b>	<b>7</b>	<b>2</b>
Surau / Masjid	Institut Pengajian / Asrama	Perumahan

WAKIL NEGERI


ERMI SYAFIQAH / AMMAR RAHIM  
35 TAHUN / 36 TAHUN  
EKSEKUTIF / JURU X-RAY

JUMLAH BAZAR

56

## RINGKASAN

## JOHOR



**4,819.9 KG**  
MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 65,707.14**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**9,620.5 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN



### RAKAN KOLABORASI

1. GPS
2. SWCORP
3. KPDN
4. Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)

### WAKIL NEGERI

KHAIRI YALAH / SABIQ  
35 TAHUN / 35 TAHUN  
SOFTWARE ENGINEER / ARCHITECT



### PENERIMA MANFAAT

**54**  
Surau / Masjid

**1**  
Institut Pengajian / Asrama

**3**  
Perumahan

JUMLAH BAZAR

7

## RINGKASAN

## SARAWAK



JUMLAH KUTIPAN

**5,762.6 KG**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

**RM 76,976.33**

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

**11,130.4 KG**

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN



### RAKAN KOLABORASI

1. GPS (6)
2. Bintulu Development Authority
3. Dewan Kuching Bandaraya Utara
4. Majlis Bandaraya Kuching Selatan



### PENERIMA MANFAAT

**3**



Institut Pengajian / Asrama

**1**



Rumah kebajikan

JUMLAH

**102**

SUKARELAWAN HADIR





**5 BAZAR**

Jun Rong Stutong  
E-mart Batu Kawa  
Hikmah Exchange Event Centre  
Emart Matang  
Emart Xpress Sukma Ria

**1 BAZAR**

The Summer Shoppir



### WAKIL NEGERI


MISHALLY ANAK SIMON  
27 TAHUN  
SALES EXECUTION

JUMLAH BAZAR

5

RINGKASAN

SABAH



JUMLAH KUTIPAN

3,320.1 KG

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

NILAI MAKANAN

RM 29,898.84

MAKANAN & MINUMAN DISELAMATKAN

JUMLAH

5,535.2 KG

SISA KARBON DAPAT DIELAKKAN



RAKAN  
KOLABORASI


1. GPS (9)
2. PEMUDA GEMA



PENERIMA MANFAAT

3 Institut Pengajian / Asrama

1 Rumah kebajikan



WAKIL NEGERI

AMIRRUL MUKMININ  
33 TAHUN  
FULL TIME IKRAM BINTULU

# SUMBANGAN RAKAN KERJASAMA UTAMA

## KOLABORASI BERSAMA KPDN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

Sejak tahun 2023, KPDN telah memperkenalkan MYSaveFood melalui Bazar Ramadan Rahmah. Untuk tahun 2024, kerjasama baru melalui Gerakan Pengguna Siswa di universiti awam dan swasta untuk meneruskan projek ini memandangkan pelaksanaan Projek MYSaveFood ini selaras dengan Dasar Pengguna Negara (DPN 1.0). Objektif DPN 1.0 ialah **Penggunaan Lestari Dalam Era Globalisasi** yang bermatlamatkan peningkat kesejahteraan Sosio-Ekonomi dan amalan Pengguna Lestari.

Bagi tahun 2025, berikut ialah sumbangan dari KPDN :

- Menyediakan peralatan dan keperluan di bazar yang diketuai oleh Gerakan Pengguna Siswa (GPS)
- Menggerakkan pegawai setiap cawangan untuk mengadakan MYSaveFood di bazar dalam kawasan masing-masing
- Menyalurkan dana kepada beberapa negeri
- Pegawai KPDN mengadakan Training of Trainers (TOT) untuk GPS
- Menambah badan GPS di beberapa institusi pengajian tinggi



YBTM Dr. Fuziah Salleh bersama-sama Pengarah MYSaveFood 2025 (Harith Tarik) dan Pengarah Bersama ReMeal (Wan Emir Astar) sewaktu Majlis Penghargaan Penyertaan MYSaveFood di Bazar Ramadan KIPMall, Kota Warisan, Sepang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

**25 TAN**

24,543.1 KG  
JUMLAH  
MAKANAN &  
MINUMAN  
TELAH  
DISELAMATKAN

**1,971**


JUMLAH  
SUKARELAWAN  
TERLIBAT

**50**

LOKASI BAZAR  
RAMADAN

**58**

GERAKAN  
PENGGUNA  
SISWA TERLIBAT



*Catatan:*

- 1) Jumlah sukarelawan terlibat dianggarkan dari bazar yang diketuai oleh GPS, rekod kehadiran pada hari operasi hanyalah anggaran kerana sukarelawan lain dari agensi lain juga boleh bertugas di bazar yang sama
- 2) Gerakan Pengguna Siswa dari institusi berlainan bertugas di bazar yang sama
- 3) Jumlah Gerakan Pengguna Siswa diambil dari Edaran - Senarai Penglibatan GPS dalam Program MSF bertarikh 17 Mac 2025, dan info dari Wakil negeri.

# SUMBANGAN RAKAN KERJASAMA UTAMA KOLABORASI BERSAMA SWCORP



## HARGAI MAKANAN ELAK PEMBAZIRAN


#valuefoodnowaste  
Sempena Bulan Ramadan



Pihak SWCorp turut menyokong usaha MYSaveFood melalui Kempen “Hargai Makanan, Elak Pembaziran” di beberapa bazar ramadan. Mereka turut menyumbang peralatan, tenaga kerja dan juga sebaran di sosial media mereka.

Bagi tahun 2025, berikut ialah sumbangan SWCorp:

- Cawangan Johor masih komited melaksanakan Kempen MYSaveFood di setiap daerah
- Menyediakan eluan untuk sukarelawan MYSaveFood



# 63

BAZAR DI SEMUA  
CAWANGAN NEGERI  
SWCORP



SWCorp & Pemuda GEMA di Majlis  
Perasmian Bazar Ramadhan Aidilfitri  
Kuala Lumpur 2025 di Taman Tasik  
Permaisuri

# SUMBANGAN RAKAN KERJASAMA UTAMA

# KOLABORASI BERSAMA RAKAN MUDA



